

Terma-terma dan Syarat-syarat Am Pembelian Siegwerk Malaysia Sdn. Bhd.

1. Skop Kesahan

- 1.1 Melainkan dipersetujui sebaliknya secara bertulis, Terma-terma dan Syarat-syarat Am Pembelian ("Terma-terma Pembelian") ini akan diguna pakai secara eksklusif terhadap perhubungan kontraktual antara Siegwerk Malaysia Sdn Bhd ("Siegwerk") dan kontraktor ("Pembekal"). Siegwerk tidak akan terikat oleh terma-terma bercanggah atau terma-terma tambahan Pembekal yang mungkin kelihatan dalam sebut harga, bida, pengakuan, invoice Pembekal atau dalam sebarang komunikasi lain daripada Pembekal, meskipun sekiranya Siegwerk tidak menyangkalnya dengan nyata atau jika Pembekal berkeras untuk melakukan penyerahan berdasarkan terma-termanya sendiri sahaja. Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai meskipun jika Siegwerk telah menerima penyerahan tanpa perizaban. Sebagai langkah beringat-ingat, Siegwerk dengan ini menentang terma-terma Pembekal yang bercanggah.
- 1.2 Terma-terma Pembelian ini meminda sebarang perjanjian rangka kerja yang dimasuki oleh Pihak-pihak. Sekiranya terma-terma yang bercanggah dipersetujui secara individu, Terma-terma Pembelian akan diguna pakai secara subordinat dan tambahan.
- 1.3 Sebarang penerimaan mana-mana bahagian Terma-terma Pembelian ini akan dianggap penerimaan semua terma-terma ini oleh Pembekal sepertimana ditulis, tanpa perubahan.

2. Pengikatan Kontrak

- 2.1 Setiap kontrak menjadi sah jika a) Pembekal menerima Pesanan Pembelian bertulis Siegwerk dalam masa 2 hari dari tarikh penerimaannya secara bertulis atau b) Siegwerk menerima tawaran bertulis Pembekal dalam masa 2 hari dari tarikh penerimaannya secara bertulis.
- 2.2 Tawaran Pembekal hendaklah diberikan secara percuma dan tidak mengikat, anggaran kos Pembekal hanya perlu dibayar balik jika dipersetujui secara bertulis.
- 2.3 Pembekal hendaklah menyatakan nombor pesanan Siegwerk dalam semua surat-menyurat dengan Siegwerk.

3. Subkontraktor

Penggajian subkontraktor memerlukan kebenaran terdahulu secara bertulis oleh Siegwerk. Pembekal hendaklah mengenakan semua obligasi yang dimasuki olehnya berkaitan dengan Siegwerk ke atas subkontraktor dan selanjutnya hendaklah memastikan obligasi sedemikian dipatuhi oleh subkontraktornya.

4. Penyerahan

- 4.1 Pembekal hendaklah mematuhi alamat penerima kinsainan yang dinyatakan dalam kontrak. Penghantaran/pengangkutan hendaklah mematuhi peraturan tentang tarif, pengangkutan dan pembungkusan oleh kereta api, pengangkutan jalan, kapal, pengangkutan udara dll., khususnya berkenaan dengan sebarang undang-undang, kastam dan peraturan sedia ada berhubung dengan barangan berbahaya.
- 4.2 Dokumen penghantaran yang lengkap hendaklah dihantar dengan setiap penyerahan, setiap penyerahan hendaklah disertai nota penyerahan. Nota penghantaran, nota penyerahan, bil muatan, senarai pembungkusan dan pembungkusan luar hendaklah menyatakan nombor pesanan serta nombor kelompok. Nombor unit barangan masing-masing berat muatan unit hendaklah diletakkan pada beban unit dengan jelas dan dalam cara yang kekal.
- 4.3 Pembekal hendaklah menyerahkan kepada Siegwerk sebarang maklumat produk relevan, misalnya lembaran data keselamatan, arahan pengendalian, peraturan pelabelan, tepat pada waktunya sebelum penyerahan. Klausula ini terpakai dengan sewajarnya terhadap pindaan pada maklumat produk ini.
- 4.4 Hak milik tidak terbatasi terhadap barangan akan beralih kepada Siegwerk apabila diserahkan. Penahanan hak milik memihak kepada Pembekal hanya boleh dipersetujui secara individu oleh pihak-pihak secara bertulis.

5. Kelewatan Penyerahan

- 5.1 Tarikh penyerahan yang dinyatakan dalam pesanan pembelian adalah mengikat. Pembekal hanya berhak terhadap penyerahan separa, penyerahan sebelum atau penyerahan selepas tarikh penyerahan dengan kelulusan terdahulu Siegwerk. Penerimaan tanpa rizab atau pembayaran bagi penyerahan lewat tidak akan ditafsirkan sebagai penepian sebarang tuntutan disebabkan penyerahan lewat.
- 5.2 Pembekal mempunyai obligasi untuk memaklumkan Siegwerk dengan segera, dan secara bertulis tentang sebarang tanda-tanda yang Pembekal tidak akan dapat melaksanakan penyerahan dalam tempoh masa yang dipersetujui, dengan memberikan sebab-sebab atas kelewatan dan memberikan anggaran tempoh kelewatan.
- 5.3 Siegwerk berhak mendapatkan gantrugi yang ditetapkan oleh undang-undang sekiranya berlaku penyerahan lewat.
- 5.4 Pembekal hanya boleh mendakwa sebagai pembelaannya bahawa dokumen/maklumat yang diperlukan daripada Siegwerk tidak diberikan, sekiranya Pembekal tidak menerima dokumen/maklumat sedemikian dalam tempoh masa yang munasabah meskipun peringatan telah dihantar.

6. Pemindahan Risiko

Kecuali dipersetujui sebaliknya secara individu, pemindahan risiko akan berlaku selaras dengan "Incoterms" daripada International Chamber of Commerce (Incoterms 2010). Jika persetujuan individu tidak dicapai, terma "delivery duty paid" akan diguna pakai.

7. Berat dan Isi Padu

Sekiranya ada percanggahan dalam berat, berat yang ditentukan oleh Siegwerk semasa memeriksa barangan yang masuk akan mengatasi yang lain – tanpa prejudis kepada tuntutan lain – kecuali Pembekal membuktikan bahawa berat yang dikira olehnya pada masa pemindahan risiko telah dikira dengan betul selaras dengan prinsip yang diterima am. Klausula ini juga diguna pakai dengan sewajarnya terhadap isi padu.

8. Pengebilan dan Pembayaran

- 8.1 Invois hendaklah dikeluarkan dalam dua salinan selepas penyerahan dan selaras dengan undang-undang yang terpakai. Invois hendaklah menyatakan nombor pesanan dan menyenaraikan rebat, diskaun serta cukai yang dikenakan dengan berasingan. Salinan pendua invois hendaklah dinyatakan dengan jelas sedemikian.
- 8.2 Invois yang diterbitkan yang tidak mematuhi bentuk yang dibentangkan dalam seksyen 8.1 hanya akan dianggap diterima oleh Siegwerk selepas dibetulkan dengan sewajarnya.
- 8.3 Pembayaran adalah kena dibayar sepertimana dipersetujui secara individu antara pihak-pihak secara bertulis. Kecuali dipersetujui sebaliknya, Siegwerk akan mengeluarkan pembayaran selepas penyerahan barangan dan penerimaan invois dengan diskaun 2% dalam tempoh 30 hari, atau tanpa diskaun dalam tempoh 60 hari hingga akhir bulan. Pembayaran bukan menandakan kelulusan.

9. Tuntutan bagi Kecacatan dan Liabiliti

- 9.1 Siegwerk memeriksa barangan yang masuk bagi kecacatan ketara (pengangkutan) dan penyimpangan yang ketara dari segi identiti dan jumlah sahaja. Siegwerk akan memberikan notis tentang kecacatan sedemikian selepas penyerahan barangan tanpa kelengahan tak wajar, dan walau apa pun dalam masa 2 minggu selepas Siegwerk menerima penyerahan barangan. Seterusnya, Siegwerk akan memberikan notis tentang kecacatan tidak ketara dalam masa 2 minggu selepas diketahui dalam perjalanan biasa perniagaan.
- 9.2 Pembekal menjamin bahawa barangan yang diserahkan hendaklah mempunyai sifat yang dijamin secara individu dan ciri yang dipersetujui secara kontrak, hendaklah sesuai bagi tujuan yang ditetapkan dalam kontrak, hendaklah tidak terjejas dari segi nilai dan kesesuaian, dan hendaklah mematuhi peraturan dan standard teknikal yang diterima secara am serta semua peruntukan statutori dan peraturan yang diguna pakai.
- 9.3 Setakat mana penyerahan/perkhidmatan gagal memenuhi keperluan dalam seksyen 9.2 atau dalam keadaan kecacatan, atas sebab-sebab lain, Siegwerk boleh menuntut menurut budi bicara tungsunya – di samping sebarang hak statutori – penggantian barangan yang cacat atau pembaikan kecacatan dalam tempoh jangka pendek dan secara percuma. Dalam keadaan ini, Pembekal hendaklah memberi pampasan kepada Siegwerk bagi semua perbelanjaan yang ditanggung secara langsung atau tidak langsung oleh Siegwerk disebabkan salah laksana oleh Pembekal. Dalam keadaan keperluan segera, atau jika Pembekal ingkar dalam tindakan pemulihannya, Siegwerk berhak memperbaiki kecacatan dengan perbelanjaan ditanggung oleh Pembekal. Setakat mana Pembekal menjamin sifat atau ketahanan barangan yang diserahkan, Siegwerk berhak membuat tuntutan terhadap jaminan tersebut tanpa mengira sebarang tuntutan lain.
- 9.4 Pembekal bertanggungjawab terhadap kecacatan pada hak milik di bawah peruntukan statutori, khususnya dalam keadaan di mana produk atau penggunaannya melanggar paten atau hak harta intelek lain yang dimiliki oleh pihak ketiga dalam negara destinasi yang dipersetujui. Jika Siegwerk dipertanggungjawabkan bagi pelanggaran sedemikian oleh pihak ketiga, Pembekal berakujanji, setelah menerima tuntutan bertulis pertama, untuk memastikan Siegwerk tidak dipertanggungjawabkan dan menanggung rugi Siegwerk terhadap semua tuntutan (termasuk fi mahkamah dan litigasi) yang berbangkit terhadap Siegwerk atau bersempena dengan tuntutan pihak ketiga. Siegwerk tidak berhak untuk memasuki sebarang perjanjian dengan pihak ketiga yang memudaratkan Pembekal tanpa kelulusan nyata daripada Pembekal.
- 9.5 Sebaliknya, liabiliti Pembekal akan dikawal secara eksklusif oleh Akta Jualan Barang 1957, Akta Kontrak 1950 dan/atau Akta Perlindungan Pengguna 1999 seperti yang dipinda dari semasa ke semasa termasuk penggabulan semulanya, di mana terpakai atau sebarang peraturan statutori relevan lain. Khususnya, pelepasan atau pembatasan liabiliti tidak diterima oleh Siegwerk. Pembekal berakujanji untuk memastikan Siegwerk tidak dipertanggungjawabkan dan menanggung rugi Siegwerk terhadap semua tuntutan kerosakan pihak ketiga selepas menerima tuntutan pertama jika Pembekal dan pembekal kecilnya mengakibatkan kecacatan produk yang berkaitan dengan tuntutan liabiliti atau bertanggungjawab terhadapnya.
- 9.6 Pembekal hendaklah mengekalkan insurans liabiliti dengan terma-terma yang lazim bagi industri, perlindungan minimum bagi setiap kejadian sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta (RM20,000,000.00) bagi kerosakan harta dan Ringgit Malaysia Empat Puluh Juta (RM40,000,000.00) bagi kecederaan diri, bagi tempoh kontrak, termasuk tempoh jaminan dan waranti atau statut had masa. Pembekal hendaklah memberikan dokumen tentang perlindungan insuransnya apabila diminta. Tahap perlindungan lebih rendah hendaklah dipersetujui dengan Siegwerk secara bertulis dalam setiap keadaan individu.
- 9.7 Tuntutan waranti/jaminan statutori dan/atau yang dipersetujui di bawah kontrak dihalang oleh statut selaras dengan undang-undang statutori.
- 9.8 Dalam keadaan notis kecacatan, tempoh waranti akan dilanjutkan sepanjang tempoh masa antara notis kecacatan dan penyingkiran kecacatan. Waranti akan bermula semula bagi penyerahan baru yang lengkap atau separa, penggantian atau peningkatan terhadap penyerahan atau kerja.

10. Penamatan Luar Biasa

Meskipun sebarang hak penamatan atau pembatalan statutori atau yang dipersetujui melalui kontrak, Siegwerk berhak menamatkan atau menarik diri daripada kontrak tanpa notis, jika prosiding insolvensi dimulakan terhadap aset Pembekal, atau jika Pembekal melakukan kemungkiran material terhadap kontrak, atau jika situasi kewangan Pembekal merosot dengan teruk, atau jika kejadian yang tidak diramal yang tidak diakibatkan oleh Siegwerk menjadikan pelaksanaan kontrak mustahil atau menyalahi undang-undang.

11. Kerahsiaan dan Pengiklanan

- 11.1 Pembekal berakujanji untuk memperlakukan dengan sulit sebarang maklumat, pengetahuan dan bahan, misalnya data teknikal dan data lain, nilai diukur, teknik, pengalaman perniagaan, rahsia perniagaan, kepakaran, ciptaan dan dokumen lain ("Maklumat") yang diterima daripada Siegwerk atau didedahkan dalam sebarang cara lain oleh Siegwerk atau sebarang syarikat lain dalam Kumpulan Siegwerk, dan tidak akan mendedahkan Maklumat sedemikian kepada pihak ketiga, tetapi hendaklah menggunakannya semata-mata bagi tujuan melaksanakan kontrak. Pembekal berakujanji untuk memulangkan semua Maklumat yang diberikan kepadanya dalam bentuk nyata seperti dokumen, sampel, specimen, atau sebagainya, tanpa berlengah-lengah lagi apabila diminta oleh Siegwerk tanpa menyimpan sebarang salinan atau nota. Siegwerk mempunyai pemilikan dan semua hak harta intelek terhadap Maklumat yang disebut dalam seksyen 11.1.
- 11.2 Pembekal boleh merujuk kepada perhubungan perniagaan yang wujud dengan Siegwerk dalam bahan maklumat dan pengiklannya hanya dengan kebenaran nyata terdahulu secara bertulis daripada Siegwerk.

12. Pelbagai

- 12.1 Penyerahan hak di bawah kontrak kepada pihak ketiga hanya sah dengan kebenaran terdahulu secara bertulis oleh pihak satu lagi.
- 12.2 Sekiranya mana-mana peruntukan ini sebahagiannya atau secara keseluruhannya menjadi tidak sah, kesahan terma-terma yang lainnya tidak akan terjejas.
- 12.3 Perubahan, pindaan dan/atau pembatalan kontrak atau Terma-terma Pembelian ini hendaklah dibuat secara bertulis.

13. Undang-undang dan Tempat Bidang Kuasa yang Diguna Pakai

- 13.1 Kontrak dan perhubungan undang-undang antara Pembekal dan Siegwerk hendaklah dikawal oleh undang-undang Malaysia tanpa terjejas oleh undang-undang antarabangsa persendirian.
- 13.2 Pembekal dan Siegwerk dengan ini bersetuju bahawa tempat bidang kuasa eksklusif adalah lokasi pejabat berdaftar Siegwerk, dan Pembekal dengan ini bersetuju dengan ini bersetuju bahawa tempat bidang kuasa eksklusif tersebut.